



Jumaat, 25 Ogos 2017
Untuk Siaran Segera

KENYATAAN MEDIA

PUSPAKOM LANCAR MyPUSPAKOM, SISTEM TEMUJANJI PEMERIKSAAN KENDERAAN ATAS TALIAN

SHAH ALAM, 25 Ogos 2017 – PUSPAKOM Sdn. Bhd. (PUSPAKOM) memperkenalkan sistem temujanji pemeriksaan atas talian baharu, MyPUSPAKOM bagi memudahkan pelanggan untuk membuat temujanji pemeriksaan kenderaan di PUSPAKOM. Di peringkat awal, sistem MyPUSPAKOM ini hanya akan dilaksanakan di **pusat pemeriksaan kenderaan PUSPAKOM Shah Alam dan Padang Jawa bermula pada 28 Ogos 2017** bagi slot temujanji pemeriksaan bermula 11 September 2017. Pelaksanaan sistem ini dijangka akan diperluaskan secara berperingkat ke semua pusat pemeriksaan kenderaan PUSPAKOM di seluruh negara.

Melalui sistem ini, pelanggan boleh membuat temujanji dan pembayaran pemeriksaan kenderaan secara atas talian melalui aplikasi MyPUSPAKOM atau laman sesawang www.mypuspakom.com.my. Pada masa ini, aplikasi ini hanya boleh dimuat turun dari Google Play. Pelanggan yang membuat temujanji menggunakan sistem MyPUSPAKOM akan dikenakan bayaran caj pemprosesan RM3.50. Sebagai alternatif, pelanggan juga boleh “walk-in” ke pusat pemeriksaan PUSPAKOM tanpa temujanji.

Untuk membiasakan pengguna dengan sistem baharu ini, pelanggan yang membuat temujanji menggunakan MyPUSPAKOM untuk pusat pemeriksaan Shah Alam dan Padang Jawa akan dikecualikan caj pemprosesan. Tempoh pengecualian adalah bagi slot temujanji bermula pada 11 September 2017 sehingga 8 Oktober 2017.

Pusat Pemeriksaan	Temujanji Untuk Tarikh Pemeriksaan	Caj pemprosesan MyPUSPAKOM
Padang Jawa	11 September 2017 – 8 Oktober 2017	Dikecualikan
Shah Alam		

Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM, Mohammed Shukor Ismail berkata, “Sistem MyPUSPAKOM ini amat mudah dan cepat kerana pelanggan boleh membuat temujanji dan pembayaran pada bila-bila masa dan di mana sahaja dengan hanya menggunakan peralatan mudah-alih atau telefon bimbit. Dengan MyPUSPAKOM, urusan syarikat mahupun



individu untuk membuat temujanji pemeriksaan akan menjadi lebih senang, dan pembayaran untuk slot pemeriksaan kenderaan juga akan dibuat secara atas talian. Mereka hanya perlu hadir di cawangan PUSPAKOM yang terpilih dan berurusan secara “cashless” atau tanpa tunai mengikut slot pemeriksaan kenderaan yang ditempah melalui MyPUSPAKOM.

Melalui MyPUSPAKOM, pelanggan dapat mengetahui kekosongan slot, tarikh dan masa untuk pemeriksaan kenderaan di semua cawangan dan lokasi pemeriksaan PUSPAKOM di seluruh negara, malahan boleh menyemak rekod temujanji dan pemeriksaan kenderaan. Ini memberi manfaat nilai tambah, menjimatkan masa dan kos terutamanya bagi syarikat serta organisasi dalam mengatur jadual pemeriksaan kenderaan-kenderaan milik mereka dengan lebih telus dan efisien.

Tambah Shukor lagi, “Dengan menggunakan sistem MyPUSPAKOM, pelanggan dapat mengetahui caj sebenar pemeriksaan kenderaan di PUSPAKOM, ini dapat mengelakkan daripada tertipu dan dikenakan caj perkhidmatan yang terlampau tinggi oleh perkhidmatan “runner” ataupun orang tengah.”

“PUSPAKOM sentiasa berusaha menambahbaik perkhidmatan selaras dengan kehendak pelanggan dalam memberi kemudahan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan yang telus dan efisien. Kami percaya inisiatif MyPUSPAKOM ini akan memudahkan pengaturan jadual pemeriksaan kenderaan pelanggan-pelanggan kami,” sambung Shukor.

Untuk maklumat lanjut berkenaan Sistem Temujanji Pemeriksaan Atas Talian baharu, MyPUSPAKOM, pelanggan boleh menghubungi Pusat Bantuan Khidmat Pelanggan di talian 1-800-22-2210 atau layari laman sesawang MyPUSPAKOM di www.mypuspakom.com.my untuk membuat tempahan dan pembayaran pemeriksaan kenderaan secara atas talian.

-tamat-

Untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi:

Jabatan Komunikasi & Khidmat Pelanggan

Ibu Pejabat PUSPAKOM Sdn. Bhd.

Tel: +603-2052 7465 / 7322

FB: [facebook.com/puspakomvehicleinspection](https://www.facebook.com/puspakomvehicleinspection)

W: www.puspakom.com.my

Mengenai PUSPAKOM

Ditubuhkan pada tahun 1994, PUSPAKOM, merupakan satu-satunya syarikat pemeriksaan kenderaan yang dilantik oleh Kerajaan Malaysia untuk melakukan semua pemeriksaan mandatori terhadap kenderaan awam dan perdagangan, serta kenderaan persendirian untuk tujuan pembiayaan sewa beli, tukar milik, pendaftaran kenderaan import dan pemeriksaan kenderaan sukarela.



My PUSPAKOM

Ingin membuat temujanji?
KINI BOLEH DIBUAT MELALUI ATAS TALIAN!
Daftar masuk di www.mypuspakom.com.my
atau muat turun aplikasi **MyPUSPAKOM**
untuk membuat temujanji anda.

SLOT SEGERA **SELESA** **DI SEMUA PUSAT PEMERIKSAAN** **BILA & DI MANA SAHAJA** **MUDAH** **TANPA TUNAI**

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi **1-800-22-2210**
atau rujuk kepada FAQ di www.mypuspakom.com.my

Muat turun aplikasi telefon bimbit



PUSPAKOM
Your Safety, Our Priority
Alli Kumpulan
DRB-HICOM